

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 [SELASA]

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa sampai sekarang tidak ada "*follow-up*" rancangan untuk membaiki dan langkah pencegahan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di PPR seperti masalah persekitaran (sampah terkumpul, kerosakan kemudahan, kekurangan tempat letak kereta, dan lain-lain).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa peka dan prihatin terhadap permasalahan dan masalah persekitaran yang dihadapi penduduk-penduduk di PPR. Sehingga 30 September 2021 terdapat 154 projek (97,196 unit) rumah PPR telah siap dibina oleh KPKT. Daripada jumlah tersebut sebanyak 54 projek rumah *landed* manakala 100 projek rumah pangsapuri.

Pengurusan PPR di bawah KPKT

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 100 projek PPR rumah pangsapuri tersebut, sebanyak lapan (8) PPR diuruskan dan diselenggara oleh KPKT. Sebanyak 92 PPR pula adalah di bawah pengurusan Kerajaan Negeri melalui SUK Perumahan Negeri atau Lembaga Perumahan Negeri masing-masing.

Bangunan rumah PPR yang diuruskan oleh KPKT diselenggara mengikut tatacara pengurusan aset tak alih bagi bangunan-bangunan Kerajaan yang meliputi skop kerja seperti berikut:

- i) pengurusan pentadbiran bangunan dan sewaan;
- ii) pengurusan kebersihan bangunan dan landskap;
- iii) pengurusan dan penyenggaraan sistem elektrik dan mekanikal;
- iv) pengurusan dan penyenggaraan sistem pembentungan;
- v) pengurusan dan kawalan serangga makhluk perosak; dan
- vi) pengurusan kawalan keselamatan.

Pemantauan secara berkala setiap bulan dilaksanakan oleh Ejen Pengurusan dan Penyenggaraan Bangunan yang dilantik oleh KPKT bagi memastikan pengurusan dan kerja-kerja pembaikan PPR dapat dilaksanakan secara teratur dan berjadual.

Pada tahun 2020, kos penyenggaraan yang dibelanjakan oleh KPKT bagi 8 PPR di bawah seliaan Kementerian ini adalah berjumlah RM5.9 juta iaitu sebanyak RM2.2 juta daripada peruntukan Belanja Mengurus dan RM3.7 juta daripada peruntukan Tabung PPR Dimiliki. Namun begitu, peruntukan tambahan diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi menampung kos penyenggaraan PPR yang semakin meningkat setiap tahun.

Pengurusan PPR di bawah SUK Perumahan Negeri atau Lembaga Perumahan Negeri

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi PPR yang diuruskan oleh kerajaan negeri melalui SUK Perumahan Negeri atau Lembaga Perumahan Negeri, kos penyenggaraan rumah PPR berkenaan ditampung melalui yuran penyenggaraan yang dibayar oleh penghuni sendiri di samping peruntukan tambahan yang disalurkan oleh pihak kerajaan negeri kepada agensi penyelaras PPR negeri.

KPKT juga turut menyediakan bantuan penyenggaraan melalui Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) bagi membantu kerajaan negeri untuk menampung kos penyenggaraan di perumahan awam strata. Sejak 2016 hingga Oktober 2021, sejumlah RM164,202,551.54 meliputi 232 projek telah diperuntukan di bawah PPP kepada pihak kerajaan negeri di seluruh negara.

Inisiatif MyBeautiful Keluarga Malaysia, Penilaian Indeks PPR Berdaya Huni dan Komuniti Sifar Sisa (KOSIS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara perancangan lain Kerajaan bagi menangani isu ini, KPKT juga akan memperkenalkan inisiatif baharu yang dikenali sebagai **MyBeautiful Keluarga Malaysia** bagi meningkatkan imej perumahan berstrata jenis kos rendah awam yang tidak mempunyai (Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Jawatankuasa Pengurusan (MC). Melalui inisiatif ini sebanyak 68 projek yang melibatkan 35 skim perumahan telah dikenal pasti untuk dibaik pulih dan disenggara dengan melibatkan kos sebanyak RM14.95 juta

Selain itu, inisiatif lain yang akan dilaksanakan oleh KPKT adalah melalui program **Penilaian Indeks PPR Berdaya Huni**. Program ini merupakan satu platform kepada komuniti PPR Malaysia untuk mengenal pasti amalan terbaik dalam mengawal selia pengurusan PPR dalam kalangan komuniti PPR.

Selain itu Penilaian Indeks PPR Berdaya Huni ini juga dilaksanakan bertujuan untuk:

- i) menggalakkan idea inovasi dan kecemerlangan dalam mewujudkan komuniti PPR yang mampan dan lestari;
- ii) mewujudkan integrasi dan kerjasama pelbagai pihak ke arah kemampanan komuniti dalam satu-satu PPR;
- iii) memudah cara program libat urus bersama pemegang taruh dan komuniti PPR; dan
- iv) mewujudkan penilaian yang konsisten dan standard untuk diguna pakai di projek PPR seluruh Malaysia.

Lima (5) prinsip utama yang akan diteraskan dalam Penilaian Indeks PPR Berdaya Huni adalah:

1. kepimpinan berpandangan jauh dan tadbir urus yang baik;

2. pewujudan peluang kebersamaan ekonomi;
3. peningkatan kehidupan bermasyarakat;
4. pemerksaan tanggungjawab kepada alam sekitar; dan
5. sokongan kepada idea inovasi dan kecemerlangan.

KPKT juga turut melaksanakan Program *Zero Waste Community* (ZeComm) yang dijenamakan semula sebagai **Komuniti Sifar Sisa (KOSIS)** bagi menangani isu-isu berkaitan kebersihan selaras dengan Dasar Komuniti Negara untuk mendaya upaya komuniti setempat.

Pelaksanaan inisiatif KOSIS melalui SWCorp merupakan platform bagi membantu rakyat termasuklah penduduk di PPR melalui konsep menjana pendapatan melalui sisa di mana penduduk boleh menghantar sisa kitar semula seperti plastik, kertas, logam, *household hazardous waste (aerosols, motor oil dan paint supplies)* termasuk sisa makanan dan minyak masak terpakai.

Sehingga September 2021, jumlah pengumpulan barangan kitar semula secara keseluruhannya adalah sebanyak 105,312 kg (RM35,168) yang melibatkan penglibatan sebanyak 3,124 unit rumah dan memberi manfaat kepada hampir 12,496 orang penduduk.

Sekian, terima kasih.